

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), tidak dinafikan bahawa pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sedar akan kewujudan laman *facebook* serta blog sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Bagi menjawab soalan (b) pula, saya tidak berhasrat untuk mengatakan sama ada ianya sesuatu yang menghasut ataupun tidak. Ini adalah kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum akan prosedur sebelum sesuatu kes itu dibuat pendakwaan di mahkamah di mana pihak polis akan menjalankan siasatan berdasarkan jika terdapat pihak-pihak tertentu membuat laporan polis. Selepas itu, Kertas Siasatan yang telah lengkap akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti bagi tujuan pendakwaan. Sehubungan itu, tidak wajar untuk saya menyatakan sama ada ianya berunsur hasutan ataupun tidak.